

18/10/2003

Veteran Umno, BN Johor sedia undur

Abdul Razak Raaff

JOHOR BAHRU: Beberapa pemimpin veteran Umno dan Barisan Nasional (BN) Johor sudah menyatakan kesediaan mengundurkan diri dalam pilihan raya akan datang sejajar nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan golongan veteran Umno mengundurkan diri secara sukarela.

Justeru, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, (gambar) berkata ada beberapa muka baru dari kalangan generasi muda akan tampil dalam pilihan raya akan datang.

Katanya, pemimpin veteran itu secara sukarela memberi laluan kepada muka baru untuk meneruskan perjuangan dan agenda pembangunan negeri ini serta negara.

Beliau berkata, keadaan politik di Johor sememangnya ada kesinambungan perubahan antara pemimpin veteran dan muka baru pada pilihan raya dan ia juga adalah amalan BN yang mempunyai kombinasi barisan pemimpin muda dan veteran.

"Ada dua wakil rakyat sudah menyuarakan hasratnya kepada saya untuk mengundurkan diri dan memberi laluan kepada muka baru pada pilihan raya akan datang.

"Saya yakin mereka ini akan terus memberi khidmat kepada parti selain sedia berkongsi pengalaman mereka kepada pemimpin generasi baru.

"Generasi pemimpin muda mempunyai kewibawaan dan idea baru dapat memberi kesinambungan kepada segala usaha yang dilaksanakan pemimpin veteran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Badan Amal Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Johor (Juita) ke-10 di Hotel M Suites di sini, semalam.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi BN negeri yakin wakil rakyat negeri ini yang sudah berkhidmat berbelas-belas tahun akan menyahut nasihat Perdana Menteri tetapi hanya menunggu masa yang sesuai untuk menyatakan hasrat mengundurkan diri.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan negeri turut menghargai sumbangan Juita dalam membantu pembangunan sosial masyarakat di negeri ini, terutama dalam memelihara kebajikan golongan kurang upaya.

"Menerusi penubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini serta rumah perlindungan kanak-kanak mangsa penderaan 'Sinar Juita' adalah contoh terbaik komitmen Juita dalam melahirkan masyarakat penyayang di negeri ini.

"Juita berjaya mewujudkan pelbagai program dan kegiatan yang turut membela nasib golongan kurang upaya di negeri ini, sekali gus membantu mereka turut menikmati arus pembangunan yang sedang dialami," katanya.